



**JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**  
Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000      Faks: 088-212655      E-mel: [bn.jbn@sabah.gov.my](mailto:bn.jbn@sabah.gov.my)

Bil. JBNS: **100-4/8/( 1 )**

Tarikh : **26 Jun 2015**

Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 3 TAHUN 2015  
PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2015**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Menetapkan peraturan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2015.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Bil.8/2015 rujukan JPAN: 700-3/2 ( ) bertarikh 26 Jun 2015
- 1.3 Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan Pekeliling Jabatan ini boleh didapati di laman web rasmi Kerajaan Negeri Sabah di <http://www.sabah.gov.my>.

**2. KADAR PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2015**

- 2.1 Kadar bayaran bagi BKK Tahun 2015 adalah ditetapkan sebanyak RM500.00 kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Gred 54 dan ke bawah.

**3. KAEDAH PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2015**

- 3.1 Jabatan ini akan membuat pembayaran BKK Tahun 2015 secara automatik kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang gajinya masih aktif dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri serentak dengan gaji bulan Julai 2015 yang dibayar pada 10 Julai 2015.

- 3.2 Anggota yang gaji bulanannya telah terkeluar dari SGP atau tidak aktif pada bulan **Julai 2015** kerana bersara, meninggal dunia, letak jawatan, tamat perkhidmatan dan seumpamanya tetapi layak dibayar BKK Tahun 2015, pembayaran bolehlah dibuat melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB) dan hendaklah disediakan oleh Kementerian / Jabatan terakhir pegawai bertugas.
- 3.3 Bagi anggota yang gajinya dibayar melalui SBB, BKK Tahun 2015 boleh dibayar pada bulan Julai 2015.
- 3.4 Semua Baucar Bayaran Berasingan bagi BKK Tahun 2015 bagi anggota yang tersebut di perenggan 3.2 dan 3.3 di atas hendaklah disediakan oleh Kementerian / Jabatan dimana anggota berkenaan sedang berkhidmat dengan menghantar baucar bayaran tersebut ke pejabat pembayar yang berkenaan (Seksyen Gaji dan Pencen, Ibu Pejabat Bendahari Negeri / Bendahari Daerah / Ibu Pejabat Jabatan Mengakaun Sendiri ) lengkap dengan dokumen-dokumen penyokong seperti berikut:
- 3.4.1 Salinan surat perlantikan dan surat melapor diri bertugas ( Jika Pegawai dilantik dalam tahun 2015 )

**4. KOD BAGI BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2015**

- 4.1 Kod Bantuan Khas Kewangan Tahun 2015 yang dibayar melalui SGP / SBB adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD GAJI	SINGKATAN	PERIHAL
15106	405	BKK	Bantuan Khas Kewangan
29306	406	BKK (TB)	Bantuan Khas Kewangan ( Vot Terbuka )

- 4.2 Bayaran BKK Tahun 2015 yang dibayar pada Tahun 2016 hendaklah juga menggunakan **kod yang sama** seperti di atas.

**5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan satu laporan iaitu 'Laporan Bayaran Bantuan Khas Kewangan RM500.00 Tahun 2015' untuk rujukan dan tindakan Kementerian / Jabatan masing-masing.

- 5.2 Berdasarkan kepada laporan dalam 5.1, Ketua Jabatan disarankan supaya menyemak dengan teliti dan memastikan pembayaran BKK Tahun 2015 kepada setiap anggota yang layak adalah tepat dan teratur.
- 5.3 Jika berlaku tersalah bayaran, pelarasan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Pay-A3 dengan menggunakan borang JBN 54(a), JBN54(b) dan dikemukakan bersama input gaji bulan September 2015.
- 5.4 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot yang berkenaan adalah mencukupi untuk pembayaran BKK Tahun 2015. Jika baki peruntukan yang berkenaan tidak mencukupi, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon virement atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

**6. PENUTUP**

Sebarang kemasukan dalam pelaksanaan pekeliling ini hendaklah ditujukan kepada Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-272000, 088-255628 untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH “**

  
CHUI NGET NGO  
Bendahari Negeri

JL/acaf

s.k Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Sembulan  
Peti Surat 128  
**88592 KOTA KINABALU**

( u.p. Ketua Akauntan )

s.k. Pengarah  
Jabatan Pertanian Sabah  
Wisma Pertanian  
Beg Berkunci 2060  
**88632 KOTA KINABALU**

( u.p. Ketua Akauntan )

s.k. Pengarah  
Jabatan Perhutanan Sabah  
Beg Berkunci 68  
**90009 SANDAKAN**

( u.p. Ketua Akauntan )

s.k. Pengarah  
Jabatan Tanah dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
**88576 KOTA KINABALU**

( u.p. Ketua Akauntan )

s.k. Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Tingkat 1, Blok A  
Wisma Kewangan  
**88999 KOTA KINABALU**

( u.p. Encik David Augustine / Puan Hajah Kamariah Abas /  
Puan Rafidah Binti Ali Hassan )

s.k. **Semua Bendahari Daerah**